



Headline: 'Pegawai LHDN' tipu penjawat awam Language: Malay
RM126,588
Publication/Portal: Kosmo Section: Negara
Date: 11 March 2022 Page: 9

'Pegawai LHDN' tipu penjawat awam RM126,588

ALOR SETAR – Seorang penjawat awam kerugian sebanyak RM126,588 setelah terpedaya dengan kegiatan Macau Scam yang menyamar pegawai Lembaga Hasil dalam Negeri (LHDN) Isnin lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Supritendan Elias Omar berkata, wanita 38 tahun itu pada mulanya menerima panggilan daripada individu tidak dikenali yang memperkenalkan dirinya sebagai pegawai LHDN Cyberjaya.

Menurutnya, pegawai LHDN tersebut kemudiannya memaklumkan terdapat sebuah syarikat yang didaftarkan di atas namanya dan mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM36,600.

"Mangsa menafikan perkara itu, namun dia kemudiannya dihubungi pula oleh individu menyamar sebagai polis yang mendakwa wanita itu turut terlibat dalam kes pengubahan wang haram serta penyeludupan dadah.

"Penjawat awam tersebut

menafikan perkara itu dan kemudiannya diarah untuk membuat semakan melalui pautan diberikan melalui aplikasi WhatsApp," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut katanya, wanita tersebut menekan pautan internet tersebut dan mengisi butiran diri termasuk akaun Bank Islam dan Tabung Haji miliknya.

Bagaimanapun, keesokan harinya kata Elias, mangsa menerima mesej dari Bank Islam memaklumkan terdapat transaksi pemindahan wang daripada akaun Bank Islam miliknya berjumlah RM38,800.

"Selain itu mangsa turut menyemak akaun Tabung Haji miliknya dan mendapati berlaku transaksi berjumlah RM87,788.

"Keseluruhannya kerugian sebanyak RM126,588. Susulan itu mangsa membuat laporan di Balai Polis Alor Setar, semalam (kelmarin)," katanya.

Kes tersebut kini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu.